

Tiram, kerang Sungai Geting bahaya dimakan

Kota Bharu: Jabatan Perikanan melarang orang ramai memakan tiram dan kerang yang ditemui di perairan Sungai Geting dekat Tumpat, di sini, kerana airnya mengandungi 'Plankton Alexandrium' yang boleh menyebabkan keracunan dan kematian.

Unit Komunikasi Korporat Jabatan Perikanan menerusi kenyataan media, berkata hasil kajian Stesen Penyelidikan Universiti Malaya (UM) mendapati tiram dan kerang di situ berbahaya untuk dimakan.

Larang pungut, jual, makan

Berikutan penemuan itu, pihaknya melarang sebarang aktiviti memungut, menjual, memakan tiram dan kerang dari kawasan berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Mohd Rafi Hasan, berkata pihaknya sudah mengambil sampel tiram, kerang dan air sungai berkenaan untuk tindakan lanjut.

"Sampel sudah dihantar ke Pusat Pendidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang dan keputusannya dijangka diperolehi seawal Jumaat ini," katanya.